

Usaha bersepadu perangi jenayah kewangan, keganasan

BH
- 6/11/2019
m/d: 2

PM mahu inisiatif Kerjasama Awam-Swasta terus diperkukuh, tegak tadbir urus berintegriti

Oleh Luqman Arif Abdul Karim
luqman.arif@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad semalam melancarkan inisiatif Kerjasama Awam-Swasta (PPP) bagi memerangi jenayah kewangan di negara ini secara lebih berkesan.

PPP adalah hasil kerjasama dan usaha Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Sekuriti (SC), agensi penguat kuasa undang-undang serta institusi kewangan bagi menggalakkan sinergi antipengubahan wang haram dan menangani pembiayaan keganasan.

Ketika menyampaikan ucapan, Dr Mahathir memulakan perasmian Persidangan Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan Antarabangsa Ke-11 (IFCTF) serentak pelancaran PPP di sini, Perdana Menteri mahu inisiatif itu terus dipacu, diperkukuh, ditambah baik dari masa

ke semasa serta dilaksana secara menyeluruh.

Memperincikan inisiatif baharu berkenaan, Dr Mahathir menjelaskan, agensi penguatkuasaan undang-undang dan institusi kewangan akan terus mematuhi kerangka perlindungan data yang diperuntukkan di negara ini.

“Usaha bersepadu untuk menangani jenayah kewangan dan pembiayaan keganasan amat dihargai, namun isu kepincangan sering terarah kepada kelemahan tadbir urus serta aspek integriti kerajaan.

“Penjenayah kekal lolos untuk mendalangi pelbagai kegiatan walaupun kerajaan merangka rangkaian perundangan ketat dan bersifat menyeluruh. Oleh itu, kita harus tangani isu ini menerusi pendekatan yang lebih inovatif,” katanya.

Pendekatan itu, katanya, berupaya dilaksana menerusi perkongsian maklumat risikan secara strategik, berkesan dan tepat pada masanya dalam kalangan institusi kewangan.

“Usaha lain harus terarah kepada memacu pembaharuan dan memperkukuhkan institusi, dasar dan kerangka perundangan. Ini berupaya menjadi pemangkin supaya Malaysia dapat memainkan peranan membanteras jenayah kewangan dan pendaan keganasan pada skala glo-

bal,” katanya.


Dr Mahathir turut mengulangi peringatan bahawa Malaysia tidak seharusnya membenarkan rasuah dan sifat tamak menyatakannya sekali lagi dalam usaha menjadi sebuah negara berintegriti.

“Sifat tamak dan rasuah yang berleluasa mendorong kita untuk tersesat jalan. Ini sama sekali tidak boleh berlaku sekali lagi,” katanya.

Beliau juga mengingatkan, rakyat mengharapkan agar kerajaan baharu yang mengambil alih pentadbiran negara selepas pilihan raya umum tahun lalu, dapat menegakkan urus tadbir yang baik, berintegriti serta menyingkirkan rasuah dan salah guna kuasa.

“Tuntutan ini adalah hasil tindak-tanduk pentadbiran kerajaan sebelum ini dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Mereka tidak mempedulikan nilai-nilai murni ini dan natijahnya, mereka ditolak rakyat Malaysia yang tidak tahan dengan penyalahgunaan kuasa dan rasuah yang berleluasa,” katanya.

Sekitar waktu itulah, katanya, jenayah kewangan dilakukan secara berleluasa dan terang-terangan tanpa mempedulikan undang-undang dan peraturan kerana pihak yang berkuasa serta diberi kepercayaan mempert-



Dr Mahathir menyampaikan ucapan ketika perasmian Persidangan Jenayah Kewangan dan Pembiayaan Keganasan Antarabangsa Ke-11 serentak pelancaran PPP di Kuala Lumpur, semalam. (Foto Asyraf Hamzah/BH)

hankan undang-undang, mereka-lah yang melakukan jenayah.

Namun, beliau berkata, kerajaan baharu mengambil langkah pantas bagi memastikan tindakan sedemikian dapat dihentikan segera, antaranya penubuhan serta pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 serta Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC).

Dr Mahathir juga menegaskan, pembaharuan ekonomi tidak dapat terlaksana dalam Malaysia Baharu kecuali diiringi pembaharuan institusi dan urus tadbir.

Katanya lagi, undang-undang dan rangka kerja tadbir urus dalam Malaysia yang bersih, telus dan bertanggungjawab, juga tidak dapat bergerak jauh tanpa diiringi kepemimpinan yang tepat dalam sektor awam dan swasta.

“Ia bagi memastikan bahawa budaya integriti yang baru diperkukuhkan ini menjadi amalan yang biasa di Malaysia. Malaysia baharu tidak dapat berlaku sekiranya kita tidak ubah dan buang mentaliti lama yang boleh menerima amalan rasuah,” katanya.

Perdana Menteri memaklumkan, pemerhatiannya sejak beberapa tahun lalu mendapati rasuah sudah mencapai tahap hampir menjadi gaya hidup biasa dengan wang tunai yang banyak boleh dipindah begitu mudah dan dianggap sebagai ‘raja’.

Persidangan dua hari berkenaan dianjurkan Institut Bank-Bank Bertauliah Asia (AICB), membincangkan pelbagai topik dan kajian kes berkaitan penipuan, memerangi rasuah dan sogokan, menjalankan kajian risiko, pengawalan pembiayaan dan keselamatan siber.

Bertemakan ‘Membina Kepercayaan dan Ketelusan: Berkerjasama, Mempercepat, Memperkukuh’, acara itu menarik penyertaan 1,300 perwakilan daripada sektor awam dan swasta, termasuk pengawal selia dan pengamal kewangan.

Yang turut hadir, Gabenor BNM, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus; Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Latheefa Koya dan Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Mazlan Mansor.